



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam**

**KETUA PEMBANTU TEKNIK (C.3-4 EB.5)  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**KETUA PEMBANTU TEKNIK  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Elektronik / Kejuruteraan Elektrikal / Mekanikal atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berpengalaman dan berkeupayaan dalam bidang yang luas dan terbukti dalam kerja-kerja Kejuruteraan Elektrikal / Mekanikal atau sebanding seperti tugas-tugas berikut adalah satu kelebihan:
    - i) Penyediaan kerja-kerja mengawasi dan memelihara sistem penghantaran *66KV*.
    - ii) Sistem pembahagian *LV* dan *11KV*, termasuk *switching & operation* sistem Jana kuasa Elektrik.
    - iii) Sistem pemasangan jentera (*standby generators*).
    - iv) Sistem Jana kuasa Letrik.
  3. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Jurutera dalam kerja-kerja pemeliharaan pembaikan dan rawatan kuasa elektrik;
2. Merancang menyusun dan melaksanakan tambahan pembekalan dan pemeliharaan bekalan letrik mengikut keutamaan;
3. Membuat operasi *switching 11KV* dan *66KV* apabila diarahkan oleh Jurutera Pengawas;
4. Bertugas sebagai (*duty officer*) di masa-masa panggilan kecemasan dan menghadiri kerosakan-kerosakan;
5. Mengawasi kakitangan bawahan termasuk pengawasan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor; dan
6. Bersedia untuk bertugas di mana-mana Daerah, Cawangan dan Bahagian Jabatan Perkhidmatan Elektrik.